

02/12/2001

Proton anjur Kempen Pembaikan Juara

KUALA LUMPUR: Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) mengumumkan satu Kempen Pembaikan untuk semua pemilik Proton Juara bagi meningkatkan tahap keselamatan kereta berkenaan.

Kempen itu adalah selari dengan program yang dikendalikan Mitsubishi Motors Corporation of Japan (MMC) bagi model Town Boxnya.

Proton dalam kenyataan semalam, berkata kempen pemeriksaan itu akan membabitkan 850 unit Juara yang turut dikenali sebagai kenderaan pelbagai guna (MPV) mini.

Pemeriksaan itu dilakukan berikutan MMC mengesan satu kejadian di Jepun yang mana berlaku kerosakan dalam komponen pin transmisi dalam salah sebuah Town Boxnya.

"Pin itu rosak hasil daripada pergerakan berlebihan menggunakan transmisi kenderaan ini ke kedudukan `P' (meletakkan kenderaan) melebihi 100 kali sehari," kata kenyataan itu.

Model Juara berkuasa 1 liter yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir pada Julai lalu itu adalah model ke-11 keluaran Proton selepas Waja.

Susulan daripada kerosakan yang dikesan itu, MMC menarik balik kira-kira 34,350 unit Town Box yang dipasarkan di Jepun dan luar negara.

Proton berkata, kerosakan itu akan menyebabkan kenderaan itu tetap bergerak walaupun kedudukan garnya diletakkan pada kedudukan `P'.

Sehubungan itu, kerosakan pada bahagian itu akan diganti secara percuma kepada pemilik Juara yang menghantar kenderaan mereka di mana-mana Pusat Perkhidmatan Proton Edar yang sah mulai 10 Disember ini atau mengikut pemeriksaan berjadual masing-masing.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, pemilik kenderaan boleh menghubungi Pusat Proton Edar di talian 1-800-888-398.

(END)